

**NO. SOALAN : 375**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

**SOALAN :**

**YB. Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan program-program untuk menarik pelancong ke Kelantan serta di sempadan Rantau Panjang. Sejauh manakah program pertukaran budaya dengan negara jiran, Thailand untuk menggalakkan pelancongan.

**JAWAPAN :      DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui *Tourism Malaysia* (TM) serta Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Kelantan sentiasa mempromosi dan melaksanakan pelbagai program khususnya dalam usaha untuk menarik pelancong berkunjung ke Negeri Kelantan, antaranya Pesta Unggas Antarabangsa Kelantan dan Perayaan Loy Krathong Peringkat Negeri Kelantan.

Untuk makluman Yang Berhormat, program pertukaran budaya di antara Malaysia dengan negara Thailand untuk menggalakkan pelancongan adalah aktif walaupun Malaysia dan Thailand tidak pernah menandatangani sebarang perjanjian kebudayaan. Pelbagai usaha telah dijalankan seperti program berkaitan kesenian, warisan dan institusi kebudayaan, pembangunan dan penyelidikan. Selain itu, di bawah Jawatankuasa ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan, ASEAN *Community for Culture and Information* (ASEAN-COCI), pelbagai aktiviti dan mesyuarat dilaksanakan bagi mengukuhkan kerjasama dua hala dan persahabatan antara Malaysia dan Thailand

Salah satu usaha yang dapat mengekalkan hubungan kerjasama baik dalam industri pelancongan kepada kedua-dua negara adalah sukan

muhibbah di antara Malaysia dengan Thailand iaitu *Goodwill Games* yang telah diadakan sejak dari tahun 2007. Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Kelantan juga telah bekerjasama dengan pihak Universiti Malaysia Kelantan dalam menganjurkan program *Intercultural Learning And Community Engagement 2015 (ILCOME)* yang turut disertai oleh 10 orang pelajar *Prince of Songkla University, Thailand*.

Kementerian ini yakin segala inisiatif yang telah dirancang dan dilaksanakan terutamanya program pertukaran budaya dapat menggalakkan serta menarik pelancong untuk berkunjung ke Negeri Kelantan selain dapat mengekalkan kerjasama dan mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara.

Sekian, terima kasih.